

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI PERASMIAN PAMERAN BUNGA ORKID DAN TAMAN
KANCIL, DI TAMAN TASIK PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 2HB. SEPTEMBER, 1987
PUKUL 9.30 PAGI

Dif-Dif Kehormat,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Syukur Alhamdulillah kita dapat bersama-sama pada pagi ini untuk Majlis Perasmian Pameran Bunga Orkid dan Taman Kancil Kuala Lumpur. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dewan Bandaraya atas jemputan mereka untuk meresmikan majlis ini.

2. Taman Orkid Kuala Lumpur yang kini berusia setahun lebih semakin hari semakin popular dan diketahui ramai. Ianya telah menjadi sebuah tempat tumpuan para pelawat dan para pelancung dari dalam dan luar negeri. Saya ucapkan syabas kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan yang telah bekerjasama bagi mempopularkan Taman ini. Usaha-usaha mengadakan pameran

...atau/-

atau pertandingan orkid dengan lebih kerap lagi di Taman ini sudah tentu akan memberi galakan serta dorongan kepada peminat-peminat orkid untuk berkunjung ke sini. Di samping itu juga usaha seperti ini akan dapat meningkatkan lagi minat orang ramai terhadap Bunga Orkid apatah lagi kepada pengusaha-pengusaha orkid untuk memperkembangkan lagi perusahaan orkid.

Para hadirin sekalian,

3. DBKL kini sedang giat berusaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang menarik. Saya amat bersetuju dengan langkah-langkah yang diambil oleh DBKL untuk memberi perhatian yang berat terhadap

...kebersihan/

kebersihan serta keindahan bandaraya kita. Bandar yang bersih dan indah akan dengan sendirinya dapat menonjolkan imej yang baik serta memberi pandangan yang menarik.

4. Untuk mencapai mutu kebersihan yang lebih baik, kita tidak boleh meletakkan tanggungjawab ini semata-mata kepada DBKL. Orangramai hendaklah mempunyai sikap yang bertanggungjawab iaitu mahukan bandaraya kita bersih dan menarik. Kepada para penjaja, saya berharap jadikanlah kebersihan itu sebagai salah satu unsur serta cara dalam memajukan perniagaan masing-masing. Daripada segi keindahan, bandaraya Kuala Lumpur setakat ini telah menjadi lebih hijau dengan bunga warna-warni. Untuk tahap pencapaian

...berikutnya/-

berikutnya usaha-usaha perlu diambil untuk menjadikan Kuala Lumpur lebih berwarna warni supaya pandangan lebih menarik lagi.

5. Sebagaimana yang kita sedia maklum bidang pengindahan serta lanskep adalah satu-satunya bidang yang memerlukan daya penciptaan serta idea-idea yang kreatif. Gubahan-gubahan tanaman dengan menggunakan bahan-bahan tanaman yang berwarna-warni serta penjagaan yang rapi akan membawa kepada pencapaian tahap pengindahan yang lebih bermutu lagi. Di samping itu juga kaedah-kaedah dalam bidang tanaman melalui cara yang lebih saintifik juga akan membantu dalam meningkatkan keindahan alam persekitaran.

...Negara/-

Para hadirin sekalian,

6. Negara kita masih lagi ketinggalan kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran terutamanya dalam bidang 'horticulture' dan tanaman dalam menghasilkan pokok-pokok bunga yang berwarna-warni serta dengan berbagai-bagai penjenisan kacukan atau 'hybrids'.

7. Adalah diharapkan supaya DBKL memulakan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan berkaitan dalam bidang 'horticulture' ini. Di antara ujian-ujian termasuklah proses pembiakan melalui 'tissue culture' untuk menghasilkan lebih banyak anak-anak benih serta baka-baka baru, Pembiakan secara ini

... terutamanya/-

terutamanya bunga-bunga orkid akan dapat menyebarkan serta memperbanyak lagi pengeluaran orkid tempatan. Selain daripada cara-cara pembiakan yang moden, perhatian juga patut diberi kepada bidang pembajaan iaitu menjalankan kajian-kajian dalam mencari kaedah yang lebih berkesan untuk mengeluarkan bunga-bunga yang bermutu serta menarik bagi tanaman-tanaman hiasan.

8. Selain daripada itu usaha-usaha untuk menggunakan peralatan yang lebih moden dalam bidang penyiraman pokok-pokok bunga patut diberi perhatian. Ini termasuklah penggunaan air-air lombong untuk mengelakkan daripada menggunakan air paip.

...Saya/-

9. Saya percaya dengan adanya cara-cara baru dalam bidang pengindahan ini, negara kita akan sentiasa mengorak langkah baru dan seiring dengan negara-negara maju dalam bidang 'horticulture' ini. Untuk tujuan ini kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Universiti Pertanian Malaysia (UPM), MARDI dan Kementerian Pertanian akan dapat menolong kita menghasilkan kaedah-kaedah serta teknik yang lebih moden dan yang lebih berjaya lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Penubuhan Taman Kancil ialah satu langkah yang bijak. Sebagaimana yang kita ketahui kancil, pelanduk, napoh, kijang dan

... seumpamanya/-

seumpamanya merupakan binatang hutan yang liar dan sukar didapati. Binatang ini telah dijadikan binatang perlindungan. Bilangannya semakin kurang dan semakin pupus. Oleh itu langkah-langkah yang dijalankan oleh DBKL dengan cara ternakan atau 'domestication' adalah wajar dan patut diberi perhatian dan galakan oleh Kerajaan.

11. Kiranya ujian atau eksperimen cara ini berjaya maka binatang-binatang liar yang semakin pupus bilangannya akan dapat dibiak dengan banyaknya. Ini sudah tentu memberi faedah kepada orang ramai kerana ia membolehkan kita melihat binatang-binatang ini hidup jinak di samping manusia.

...Bagi/-

12. Bagi Taman Kancil ini saya berharap jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Haiwan serta Jabatan Perhilitan hendaklah memberi kerjasama supaya percubaan memelihara kancil atau pelanduk ini akan mencapai matlamat serta menjadi projek yang 'viable' serta berjaya.

13. Saya percaya bahawa kedua-dua projek DBKL iaitu Taman Bunga Orkid Kuala Lumpur dan Juga Taman Kancil yang merupakan 'theme park' bagi Kuala Lumpur akan menjadi tempat tumpuan serta kunjungan orang ramai. Saya juga percaya bahawa kedua-dua tempat ini akan dapat menambahkan lagi bilangan tempat-tempat pelancungan yang terdapat di Kuala Lumpur.

...Dengan/-

14. Dengan itu saya dengan sukacitanya membuka Pameran Bunga Orkid dan Taman Kancil Kuala Lumpur dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu
alaikum warahmatullahi wabarakatuh.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA